

MEREKABENTUK MESIN PEMOTONGAN KEREPEK

DAN

PRODUK YANG BERUNSURKAN KEPINGAN

LAPURAN PROJEK AKHIR TAHUN

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL

(PERKILANGAN)

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PERKILANGAN

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Disediakan oleh

Ahmad Nizam Bin Muhaimin

89258801

Zulkeffly Bin Zainuddin

89363989

Dengan bimbingan nasihat oleh

En. Ismail Nasiruddin Bin Ahmad

(pensyarah kajian kejuruteraan)

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Mukasurat
Penghargaan	
Prakata	
Sinopsis	
Simbol-simbol yang digunakan	
1.0 Pengenalan Projek	1
2.0 Tujuan	2
3.0 Matlamat	3
4.0 Proses-proses Dalam Merekabentuk	4
4.1 Kenalpasti Keperluan	5
4.2 Definasi Masalah	5
4.3 Sintesis	6
4.4 Analisa Optima	6
4.5 Penilaian	6
4.6 Persembahan Rekabentuk	7
5.0 Faktor Ekonomi Dalam Merekabentuk	8
6.0 Faktor Keselamatan	11
7.0 Rekabentuk Mesin	14
7.1 Cara Beroperasi	14
8.0 Kebaikan Rekabentuk ini	16
9.0 Analisa Secara Am Sifat Ubi Dan Pisang	17
10.0 Sistem-sistem Yang Digunakan	19
10.1 Sistem Rangka	19

PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan berbilang-banyak ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan projek akhir ini. Terutama-nya kepada penasihat projek akhir kami, En. Ismail Nasiruddin Ahmad yang telah banyak memberi galakan dan bimbingan serta pandangan-pandangan yang bernas bagi menyempurnakan projek akhir ini. Tidak lupa juga kepada kakitangan bengkel kejuruteraan yang mana dengan tunjuk ajarnya dapat kami menyediakan sebuah model bagi projek akhir ini. Begitu juga kepada rakan-rakan serta sesiapa saja yang secara langsung atau tidak, telah terlibat dalam menjayakan projek akhir ini, dan akhir sekali, terima kasih kepada semua.

SINOPSIS

Objektif projek ini ialah untuk merekabentuk sebuah mesin pemotong kerepek juga untuk pemotongan bahan-bahan lain yang berunsurkan kepingan.

Projek ini berdasarkan beberapa faktor

- 1) Kos yang murah.
- 2) Selamat ketika digunakan
- 3) Bahan mesin yang mudah didapati.
- 4) Ciri-ciri ergonomik yang bertujuan memberikan kemudahan kepada para pengguna.
- 5) Mudah untuk diselenggarakan.

Dengan adanya mesin pemotong kerepek ini akan memudahkan lagi para pengusaha tempatan khususnya pengusaha kecil-kecilan luar bandar untuk mengembangkan dan melancarkan lagi perusahaan kerepek mereka.

1.0 PENGENALAN PROJEK

Wujudnya mesin ini bertujuan untuk mengelakkan beberapa faktor seperti berikut

- 1) Kos pengendalian perusahaan yang tinggi.
- 2) Mengelakkan para pekerja merasa bosan disebabkan melakukan kerja yang sama setiap masa.
- 3) Kekurangan tenaga kerja.
- 4) Masa yang dibazirkan disebabkan proses yang berulang-ulang.
- 5) Masalah kenaikan gaji dikalangan para pekerja.

Dengan ini kami berharap wujudnya mesin ini dapat mengatasi masalah-masalah tersebut. Kami juga berharap dengan terciptanya mesin ini dapat meningkatkan lagi perusahaan kerepek tempatan serta dapat menambahkan lagi mutu kerepek.

Ini kerana memandangkan kerepek mendapat pasaran yang memuaskan iaitu sebagai makanan ringan sampingan.